

SOALAN NO: 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH: 27 NOVEMBER 2017

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk menaikkan gaji minimum bulanan pekerja ke paras yang lebih munasabah dengan kos hidup (RM 1700/sebulan); dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai insentif kewangan/Belanjawan 2018 bagi pihak swasta untuk mengajikan lebih ramai pekerja Malaysia.

PR-1353-L03248

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat selaras dengan hasrat negara menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Sehubungan dengan itu, Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) akan mengkaji semula Perintah Gaji Minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 2 tahun. Kajian Semula Perintah Gaji Minimum 2016 yang akan datang adalah pada tahun 2018 dan sebarang syor MPGN akan diputuskan oleh Kerajaan dengan teliti setelah mengambil kira semua aspek jua.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Dalam membuat semakan semula Perintah Gaji Minimum, pelbagai faktor diambil kira termasuk indikator-indikator sosio-ekonomi iaitu antaranya perubahan indeks harga pengguna, kadar pertumbuhan produktiviti, gaji penengah (keupayaan majikan untuk membayar gaji), kadar pengangguran, pendapatan garis kemiskinan dan sebagainya.

3. Di samping itu, sebab-sebab lain juga perlu diambil kira dalam menetapkan kadar gaji minimum baharu, antaranya adalah pandangan semua pihak melalui pendekatan berhemah iaitu

balanced approach dengan mengimbangi kepentingan majikan, pekerja dan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Berhubung isu insentif kewangan di bawah Bajet 2018 yang bertujuan untuk meningkatkan pengajian pekerja tempatan di negara ini, Kerajaan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) di bawah Kementerian Sumber Manusia telah memperuntukkan 30% daripada levi Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) sebagai dana terkumpul atau *pool fund* bagi melaksanakan program-program strategik sebagai satu usaha untuk menyokong pencapaian matlamat nasional dalam meningkatkan taraf peratusan pekerja mahir di Malaysia. Sejajar dengan aspirasi Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Transformasi Nasional (TN50), PSMB juga akan memperuntukkan dana sebanyak RM50 juta daripada 30% dana terkumpul PSMB bagi tujuan TVET. Tumpuan khusus akan diberi kepada Industri 4.0 dalam mewujudkan tenaga buruh berdaya saing di peringkat global. Untuk menyokong Revolusi Industri 4.0 ini, kerjasama turut diadakan dengan Pusat Pembangunan Kemahiran, Politeknik, Universiti dan Pertubuhan Majikan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM75 juta.

5. Selain itu, untuk mencapai aspirasi ke arah ekonomi digital di negara ini, KSM menerusi PSMB memperuntukkan sebanyak RM50.5 juta untuk melatih 20,000 profesional data menjelang 2020. Bagi merealisasikan hasrat ini, PSMB kini bekerjasama dengan

National Big Data Association bagi menawarkan pelbagai program latihan dalam bidang *Big Data Analytics*.

6. Kesimpulannya, pendekatan yang diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang bagi memastikan apa-apa keputusan yang dibuat berhubung kenaikan kadar gaji minimum adalah agar iaanya tidak membebankan majikan sehingga membawa mudarat kepada pekerja seperti pembuangan pekerjaan akibat ketidakmampuan majikan membayar gaji minimum tersebut. Selain itu, pertimbangan yang diambil oleh Kerajaan juga adalah langkah secara berperingkat dan bukan atas dasar ingin meraih populariti semata-mata. Melalui pendekatan ini Kerajaan percaya daya saing negara dapat dikekalkan sama ada di peringkat domestik mahupun antarabangsa dan hasrat menjadi negara berpendapatan tinggi tetap menjadi keutamaan.